

Radio UMS, KKFM Dilancar

Oleh Ignasus Rias B. Simon Eko

KKFM yang bersiaran melalui frekuensi **91.1 Megahertz** menggunakan tagline **"Bukan Sekadar Muzik"** bagi memberi cerminan bahawa radio ini bukan hanya berkonsepkan hiburan semata-mata, namun turut mengetengahkan pelbagai info-info menarik dan berita-berita kampus, di samping kupasan isu-isu semasa di peringkat IPTA, nasional dan antarabangsa.



Tanggal 01 Julai 2010 telah menyaksikan satu lagi coretan bersejarah di Universiti Malaysia Sabah apabila Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon merasmikan Majlis Pelancaran Siaran Rasmi Radio UMS KKFM. Nama KKFM diambil sempena frasa Kampus Kita yang merujuk kepada kampus Universiti Malaysia Sabah. Dalam masa yang sama ungkapan KK juga sinonim dengan singkatan Bandaraya Kota Kinabalu iaitu lokasi di mana terletaknya kampus Universiti Malaysia Sabah.

KKFM yang bersiaran melalui frekuensi 91.1 Megahertz menggunakan tagline "Bukan Sekadar Muzik" bagi memberi cerminan bahawa radio ini bukan hanya berkonsepkan hiburan semata-mata, namun turut mengetengahkan pelbagai info-info menarik dan berita-berita kampus, di samping kupasan isu-isu semasa di peringkat IPTA, nasional dan antarabangsa. Siaran radio ini boleh diikuti di kawasan Telipok, Sepanggar, Menggatal,

Inanam, Kota Kinabalu, Penampang, Kinarut dan Beringgis Papar pada setiap hari bermula pukul 6.00 pagi sehingga pukul 8.00 malam. Beliau dalam ucapannya semasa merasmikan pelancaran tersebut berkata bahawa radio merupakan media massa yang dilihat berkesan dalam menyebarkan pelbagai maklumat kepada orang ramai khususnya golongan generasi muda pada masa kini. Menyedari akan kepentingan peranan sesebuah radio, pihak Universiti Malaysia Sabah telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah radio kampus yang dilihat mampu memberi impak besar terhadap perkembangan universiti.

Selain bertujuan sebagai medan penyalur maklumat kepada warga universiti dan masyarakat setempat, radio ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman dalam bidang penyiaran kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi UMS. Malah radio ini juga turut menggunakan khidmat para pelajar dalam proses kendaliannya yang pada hemat



beliau pasti akan membawa mereka untuk pergi lebih jauh dan lebih berdaya saing apabila tamat pengajian kelak.

Beliau juga percaya melalui radio KKFM ini juga pelbagai impak lain akan turut dikecapi. Umpamanya hubungan sesama warga UMS akan terus terjalin erat. Manakala hubungan UMS dengan masyarakat



luar pula akan sentiasa berada dalam suasana penuh kemesraan. Ini kerana format rancangan atau pengisian segmen dalam radio ini adalah berbentuk interaktif dan menghiburkan yang pasti mendapat penglibatan aktif daripada para pendengar. Beliau turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat bagi memastikan kejayaan penubuhan Radio UMS KKFM, radio kampus yang pertama di negeri Sabah.

